

104

NO. SOALAN: 342

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) setakat bulan Oktober ini, berapakah jumlah bilangan pelancong antarabangsa yang melawat Perak pada tahun ini; dan
- (b) berapakah jumlah bilangan pelancong domestik yang melawat negeri Perak pada tahun ini dan senaraikan statistik perbandingan dengan semua negeri yang lain.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tourism Malaysia tidak mempunyai data jumlah kedatangan pelancong asing ke daerah-daerah di seluruh Malaysia secara terperinci. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Kajian Kadar Purata Penginapan Hotel yang dijalankan oleh Tourism Malaysia bagi tahun 2016, Perak telah menerima seramai 2.6 juta orang penginap hotel. Daripada jumlah tersebut, 2.3 juta orang adalah penginap domestik dan 267,517 orang adalah penginap antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik perbandingan kedatangan pelancong dengan negeri lain adalah seperti berikut :

NEGERI	Jumlah Penginap Hotel 2016 Januari – Disember		% PERUBAHAN
	2015	2016	15/16
KUALA LUMPUR	15,894,155	16,151,482	1.62
PUTRAJAYA	494,733	504,374	1.95
SELANGOR	3,995,589	4,064,269	1.72
PENANG	6,347,618	6,379,185	0.50
KUALA LUMPUR	15,894,155	16,151,482	1.62

NEGERI	Jumlah Penginap Hotel 2016 Januari – Disember		% PERUBAHAN
	2015	2016	15/16
PAHANG	10,334,754	10,300,117	(0.34)
JOHOR	6,953,327	7,013,784	0.87
PULAU PINANG	6,347,618	6,379,185	0.50
SABAH	6,054,307	6,173,000	1.96
SARAWAK	4,654,781	4,669,632	0.32
MELAKA	4,587,635	4,645,164	1.25
SELANGOR	3,995,589	4,064,269	1.72
KEDAH	3,544,845	3,755,875	5.95
PERAK	2,574,239	2,593,491	0.75
N.SEMBILAN	2,334,220	2,362,064	1.19
TERENGGANU	1,712,504	1,708,865	(0.21)
KELANTAN	1,179,327	1,196,685	1.47
LABUAN F.T	673,879	651,475	(3.32)
PUTRAJAYA	494,733	504,374	1.95
PERLIS	176,926	176,666	(0.15)
JUMLAH	71,512,839	72,346,128	+1.17%

Sekian, terima kasih.